

MAKALAH *مقالة الدعوة* DAKWAH



مسجد جامعة الأمة
Masjid Universiti Rakyat

PERCUMA

BIL. 15/ 7 September 2012 - 20 Syawal 1433

Masjid Abidin (Masjid Negeri), Jalan Masjid, 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman
No. Telefon : 09 - 623 1771 No. Fax : 09 - 622 1690 Website : www.masjidabidin.org.my

MEMAHAMI KONSEP AIDILFITRI

Oleh: Ustaz Wan Mohd Hazim Bin Wan Mohd Hashim
*Pegawai Masjid (Imam iii),
Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman*



Menjelang 1 Syawal pada saban tahun, menjadi satu agenda tahunan di dalam kalendar kehidupan umat Islam untuk merayakan hari yang penuh bermakna iaitu Hari Raya Aidilfitri. Pelbagai ragam masyarakat Islam dapat dilihat dalam merayakan hari kemenangan ini dengan menampilkan citarasa masing-masing dengan cara berpakaian, hiasan rumah, jamuan aneka kuih muih serta budaya ziarah menziarahi.

Namun, dalam kemeriahan kita menyambut Hari Raya Aidilfitri pernahkah terlintas di fikiran kita bahawa apakah sebenarnya simbolik merayakan hari raya ini dan apakah kehendak kita merayakan hari ini sebagaimana kehendak syariat agama Islam?

DEFINISI AIDILFITRI

Jika diteliti maksud Aidilfitri yang sebenar gabungan dua perkataan iaitu *Aid* dan *Fitr*. Perkataan *Aid* (عيد) berasal daripada *aud* (عود) bererti ulangan. Ia menjelaskan sama ada hari raya itu berulang pada setiap tahun, atau kegembiraannya berulang setiap kali menjelang hari raya atau banyaknya nikmat Allah s.w.t dikurniakan kepada hamba-hambaNya pada hari raya tersebut.

Fitr pula membawa maksud fitrah. Fitrah di sini bermaksud hari kembalinya kesucian kepada kita. Ia bermaksud kita dahulunya berasal daripada seorang yang suci daripada noda dan dosa iaitu di waktu kita dilahirkan. Di dalam melalui perjalanan kehidupan tentulah ada sedikit sebanyak terpalit dosa dan kesalahan. Maka dengan hadirnya Aidilfitri, ia seolah-olah mengembalikan kita kepada fitrah atau kesucian buat kali kedua dengan terhapusnya dosa rentetan ibadah puasa yang telah dilakukan sepanjang bulan Ramadan.

Sabda Nabi s.a.w:

Maksudnya: *"Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka diampuni dosa-dosanya yang telah lalu."*
(Riwayat al-Bukhari & Muslim)

FALSAFAH AIDILFITRI

Aidilfitri merupakan hari kemerdekaan umat Islam kerana 1 Syawal merupakan hari pertama selepas bulan Ramadan di mana umat Islam kembali menikmati limpahan rezeki Ilahi seperti makan dan minum di siang hari, melakukan hubungan suami isteri tanpa batasan waktu serta larangan khusus yang lain pada bulan Ramadan. Ia adalah hadiah daripada Allah s.w.t selepas sebulan umat Islam menyerahkan jiwa raga mereka kepadanya. Ia adalah hari kegembiraan kerana dapat menempuh ujian tahunan yang Allah s.w.t sediakan bagi menguji siapakah yang terbaik dalam melaksanakan ibadah kepadanya.

Aidilfitri juga merupakan hari kemenangan secara *spritual* atau rohani. Ini kerana ia adalah puncak kemenangan manusia dalam peperangan antara akal dan nafsunya, kerana puasa di bulan Ramadan adalah senjata terkuat manusia untuk menundukkan dorongan nafsu yang sentiasa cenderung kepada berbuat dosa. Maka, hari raya Aidilfitri adalah satu ganjaran kemenangan daripada Sang Pencipta kepada hambaNya.

Dengan menghayati falsafah Aidilfitri ini, sepatutnya berlegar di benak fikiran kita apakah saban tahun kita merayakan Aidilfitri telah ada juga tersemat gambaran simbolik perayaan ini sebagaimana di atas?

KEHENDAK KITA VS KEHENDAK AGAMA

Menjawab persoalan yang ditimbulkan tadi, sebenarnya kita belum menghayati maksud sebenar Aidilfitri yang dinyatakan. Buktinya cukup jelas dapat kita lihat, sebelum tibanya 1 Syawwal lagi kita sudah memikirkan apa yang hendak dipakai semasa hari raya, apa yang hendak dihidangkan kepada tetamu pada hari raya pertama, kedua dan seterusnya, dan bermacam-macam lagi perancangan bagi menyambut 1 Syawwal dilayangkan di fikiran kita. Namun, malangnya dalam masa yang sama ibadah pada bulan Ramadan tidak pula diambil kira bagaimana prestasi puasa pada tahun lepas untuk dilakukan yang lebih baik pada tahun ini.



Begitu juga halnya dengan peniaga-peniaga yang sibuk mencari jalan bagaimana teknik mempromosikan barangan jualan mereka supaya laku dengan meletakkan *banner* atau iklan tawaran harga murah, diskaun terendah dan pelbagai teknik lain yang boleh menggandakan keuntungan mereka. Namun, malangnya dalam masa yang sama berapa ramai peniaga yang sanggup menampal iklan keuntungan beribadah di bulan Ramadan, peluang menggandakan amal ibadah dan sebagainya bagi meningkatkan motivasi ibadah umat Islam.



AIDILFITRI ITU BERSYARAT

Kita perlu menyedari bahawa Aidilfitri yang disambut saban tahun adalah tidak bermakna apa-apa jika tahap ibadah kita pada bulan Ramadan tidak ada rasa kehambaan kepadaNya. Jangan pula kita mengejar nikmat berhari raya sehingga kita melupakan syarat berhari raya itu sendiri iaitu pelaksanaan ibadah yang sempurna kepadaNya.

Hukama' ada menyebut:

ليس العيد لمن لبس الجديد، إنما العيد لمن طاعته تزيد

Bukanlah sebenar-benar hari raya itu bagi yang memakai pakaian baru..tetapi sebenar-benar hari raya itu adalah bagi orang yang ketaatannya terus bertambah.

ليس العيد لمن تجمّل باللباس والمركوب، إنما العيد لمن غفرت له الذنوب

Bukanlah sebenar-benar hari raya itu bagi yang berhias-hias dengan pakaian dan kenderaan..tetapi sebenar-benar hari raya itu adalah bagi orang yang diampunkan dosa-dosanya.

ليس العيد لمن حاز الدرهم والدينار، إنما العيد لمن أطاع العزيز الغفار

Bukanlah sebenar-benar hari raya itu bagi yang memperolehi dinar juga dirham..tetapi sebenar-benar hari raya itu bagi orang yang mentaati Allah Tuhan yang Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.

MAKLUMAN!

Makalah Dakwah adalah suatu penulisan ringkas berbentuk ilmiah yang diterbitkan dua minggu sekali di bawah Unit Dakwah & Informasi, Masjid Abidin (Masjid Negeri), Terengganu Darul Iman. Makalah Dakwah boleh didapati pada setiap hari Jumaat minggu pertama dan ketiga setiap bulan mengikut kalendar Masehi di dewan solat muslimin dan muslimat. Sebarang teguran daripada muslimin dan muslimat amatlah dialu-alukan bagi menambah baik pengurusan pengimarah masjid.